
IMPAK MEDIA SOSIAL TERHADAP TINGKAH LAKU SOSIAL PELAJAR DI KOLEJ VOKASIONAL

Fazlinda Ab Halim^{*} & Mohammad Siraj Munir Bin Muslaini

Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, UTHM

*Correspondence: fazlin@uthm.edu.my

Abstrak

Rangkaian media sosial telah mencipta satu fenomena di internet yang membantu mengekalkan hubungan dengan pengguna lain. Namun begitu, sejak kebelakangan ini terdapat segelintir golongan remaja yang terlalu obses dengan penggunaan media sosial sehingga mengakibatkan fenomena ketagihan media sosial. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk meninjau kesan media sosial terhadap tingkah laku sosial pelajar di kolej vokasional. Kajian yang dijalankan adalah berbentuk kuantitatif. Sampel kajian terdiri daripada 345 orang pelajar Kolej vokasional. Instrumen kajian melibatkan satu set soal selidik yang mengandungi 41 item dan menggunakan skala Likert sebagai ukuran. Analisis skor min dan sisihan piawaian digunakan bagi meninjau kesan media sosial dalam kalangan pelajar. Ujian-t digunakan untuk melihat perbezaan kesan media sosial terhadap tingkah laku sosial berdasarkan jantina. Terdapat pelbagai kesan media sosial kepada pelajar seperti berlakunya pembaziran masa, kemurungan dan stres kerana pelajar banyak terdedah kepada video dan gambar yang tidak bermoral. Seterusnya, tiada perbezaan yang signifikan terhadap kesan media sosial kepada pelajar berdasarkan jantina pelajar berdasarkan ujian-t. Kesimpulannya, media sosial banyak memberikan kesan yang negatif kepada pelajar. Jadi, kesedaran yang tinggi perlu diterapkan kepada pelajar bagi membendung masalah-masalah tingkah laku sosial.

Kata Kunci : Kesan, Media sosial, Tingkah laku sosial, kolej vokasional

Abstract

Social media networks have created a phenomenon on the internet that helps maintain relationships with other users. However, in recent times there are a handful of teenagers who are too obsessed with the use of social media that result in the phenomenon of social media addiction. Therefore, this study is conducted to examine the impact of social media on student's social behaviour in vocational colleges. The study was quantitative. The sample of the study consisted of 345 vocational college students. The research instrument involved a set of questionnaires that

contained 41 items and used the Likert scale as a measure. The mean score analysis and standard deviation are used to see the purpose of using and the impact of social media among students. T-test is used to see the impact of social media impact on gender-based social behaviour. There are social media effects on students such as wasting time, depression and stress as students are exposed to immoral videos and pictures. Furthermore, there was no significant difference in the impact of social media on students based on student gender based on t-test. In conclusion, social media has had a negative impact on the students. Thus, high awareness needs to be applied to students to curb social behaviour problems.

Keywords: *impact, Social media, Social behavior, vocational college*

1.0 Pengenalan

Dewasa ini, masyarakat lebih terdedah kepada penggunaan media sosial sebagai medium untuk berkomunikasi dan memperolehi maklumat sama ada melalui media cetak atau media elektronik. Severin dan Tankard (2001) menyatakan bahawa media sosial telah menyediakan ruang kepada semua manusia di dunia ini untuk berkomunikasi antara satu sama lain dengan cara yang paling mudah dan pantas. Media sosial juga menyediakan manfaat besar dalam pendidikan termasuk akses kepada maklumat di pelbagai topik, menjadikan hubungan pendidikan dan meningkatkan komunikasi dengan guru-guru dan antara rakan sekelas (Mat, 2010). Walau bagaimanapun, penggunaan media sosial yang berlebihan telah membawa kepada hasil negatif seperti prestasi sekolah merudum, pengasingan sosial, dan menghalang pencapaian remaja terhadap perkembangan psikososial (Samin, 2012). Samin juga menambah bahawa sejak kebelakangan ini terdapat segelintir golongan remaja yang terlalu obses dengan penggunaan media sosial sehingga mengakibatkan fenomena ketagihan media sosial.

Berdasarkan kajian oleh Cress (2010), 76 peratus individu yang mendapatkan rawatan untuk masalah ketagihan media telah mengalami masalah kemurungan. Manakala 24 peratus selebihnya pula mengalami masalah gangguan keimbangan. Semakin banyak penggunaan media sosial, semakin besar kemungkinan mereka akan mengalami masalah kesihatan mental seperti tidak mahir bersosial, kemurungan dan keresahan (Cress, 2010). Selain itu, menurut Jamaludin (2013), pelajar sekolah sering terlibat dalam isu ketagihan media sosial disebabkan oleh ketiadaan disiplin diri dalam diri pelajar, pengurusan masa yang tidak efisyen dan tiada dorongan daripada keluarga atau orang lain yang lebih dewasa. Penggunaan media sosial secara berlebihan menyebabkan individu lebih gemar meluangkan masa secara bersendirian. Penggunaan media sosial berlebihan juga secara tidak langsung telah mengurangkan interaksi secara bersemuka dan menjadikan mereka antisosial (Aziz, 2013). Oleh itu, kajian ini dijalankan ke atas pelajar-pelajar berstatus remaja untuk meninjau kesan media sosial terhadap tingkah laku sosial mereka. Selain dari itu, kajian ini juga melihat sejauh mana pelajar-pelajar ini terkesan dengan media sosial dalam kehidupan mereka sehari-hari berdasarkan jantina.

2.0 Sorotan Kajian

Media merupakan salah satu alat komunikasi sebagai contoh surat khabar dan radio yang membolehkan manusia menerima atau menyebarkan sesuatu maklumat. Manakala, media sosial membawa erti instrumen sosial dalam berkomunikasi. Media sosial adalah sebuah media online dan penggunaanya dengan mudah boleh berkomunikasi dengan cara atau melalui blog-blog, wiki, forum dan jejaring sosial seperti facebook, twitter, myspace dan banyak lagi. Jejaring sosial adalah kaedah yang sering digunakan oleh masyarakat di dunia.

Boyd (2007) mentakrifkan laman rangkaian sosial sebagai perkhidmatan berasaskan web awam yang membolehkan pengguna untuk membangunkan profil peribadi, mengenal pasti pengguna lain, membaca dan bertindak balas terhadap status yang dibuat oleh pengguna lain di laman web, dan menghantar dan menerima mesej yang sama ada secara peribadi atau umum contohnya *facebook*, *twitter* dan *myspace*. Golongan pelajar membentuk sebahagian besar dari pengguna di rangkaian media sosial. Lenhart, (2010) mendapati bahawa 72 peratus daripada semua pelajar sekolah mempunyai profil media sosial dengan 45 peratus daripada pelajar menggunakan laman media sosial sekurang-kurangnya sekali sehari. Mereka menggunakan rangkaian media sosial untuk berkomunikasi dengan keluarga, rakan-rakan, dan juga orang yang tidak dikenali. Laman media sosial telah mencipta cara baru untuk orang ramai untuk berinteraksi dengan orang lain dan golongan pelajar telah mengambil kesempatan daripada teknologi ini (Lenhart, 2010).

Kajian yang dijalankan oleh Mitchell dan Beard (2010) mendapati bahawa terdapat hubungan antara penggunaan media sosial dan ketagihan terhadap media sosial tersebut dalam kalangan pelajar. Semakin banyak penggunaan media sosial, semakin tinggi tahap ketagihan pelajar. Pelbagai kriteria dan terma telah digunakan untuk menggambarkan ketagihan media sosial termasuk '*Internet dependence*', '*technology addiction*', '*Problematic Internet Use (PIU)*' dan '*Pathological Computer Use*' (Aziz, 2013). Walaupun terdapat banyak kajian mengenai kesan media sosial, namun masih kurang kajian ini dijalankan di Malaysia. Justeru, tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji tujuan penggunaan media sosial dan kesan media sosial dalam kalangan pelajar institusi pendidikan di Malaysia.

3.0 Metodologi

Reka bentuk kajian yang digunakan ialah kuantitatif secara tinjauan dengan menggunakan soal selidik sebagai instrumen. Penggunaan soal selidik dalam kajian ini praktikal dan berkesan untuk populasi yang besar serta memudahkan pengumpulan maklumat yang diperlukan (Chua, 2011). Bagi kajian ini, pengkaji telah mengadaptasi borang soal selidik yang telah dihasilkan oleh Shabir (2014) dalam kajiannya "*The Impact of Social Media on Youth*".

Lokasi kajian yang telah dipilih untuk kajian rintis ialah Kolej Vokasional Perdagangan Johor Bahru manakala lokasi kajian sebenar ialah kolej vokasional di Melaka yang terdiri daripada tiga kolej. Seramai 345 orang responden telah menjawab soal selidik yang diedarkan. Setiap item soal selidik menggunakan skala likert lima peringkat bagi menunjukkan persetujuan responden daripada ekstrem negatif ke ekstrem positif. Pemarkahan dilakukan dengan 5 mewakili Sangat

Setuju, 4 mewakili Setuju, 3 mewakili Kurang Setuju, 2 mewakili Tidak Setuju dan 1 mewakili Sangat Tidak Setuju. Melalui penggunaan skala Likert, responden perlu menandakan jawapan tentang sesuatu pernyataan berdasarkan nilai skala yang dinyatakan. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan statistik inferensi.

3.0 Dapatan Kajian

3.1 Demografi

Analisis kajian dibahagikan kepada dua bahagian iaitu analisis deskriptif dan inferensi. Dapatan kajian menunjukkan jumlah keseluruhan responden yang terlibat di dalam kajian ini adalah seramai 345 orang. Daripada jumlah tersebut, didapati bilangan kekerapan bagi lelaki adalah 149 dan perempuan adalah seramai 196 orang. Bilangan kekerapan dan pecahan jantina responden yang dinyatakan dapat diperincikan seperti Jadual 1.

Jadual 1: Bilangan responden

Jantina	Bilangan Responden	Peratus (%)
Lelaki	149	43
Perempuan	196	57
Jumlah	345	100

3.2 Kesan Media Sosial Terhadap Tingkah Laku Sosial Pelajar

Analisis menunjukkan purata keseluruhan skor min adalah 3.58 dan berada pada tahap yang sederhana. Skor min tertinggi diperolehi daripada item “Video yang tidak bermoral banyak didedahkan di media sosial” iaitu 4.05 dan sisihan piawainya ialah 1.07. Daripada analisis ini, dapat dirumuskan bahawa pelajar banyak terdedah kepada video yang tidak bermoral melalui media sosial. Analisis ini juga menunjukkan skor min yang terendah iaitu pada item “Konsentrasi individu mungkin terganggu sekiranya tidak menggunakan media sosial dalam masa sehari” iaitu 3.13 dan sisihan piawainya ialah 1.09. Ini menunjukkan konsentrasi pelajar institusi pendidikan kurang terganggu sekiranya menggunakan media sosial. Kesimpulannya, tiada sebarang item yang memperolehi nilai skor min kurang daripada 2.33 di mana tahap interpretasi berada pada tahap rendah. Dapatan kajian menunjukkan kesan penggunaan media sosial berada pada purata nilai skor min sebanyak 3.58 dengan sisihan piawai 0.69 di mana tahap interpretasi secara keseluruhan masih berada pada tahap sederhana. Hasil analisis skor min seperti dalam jadual berikut.

Jadual 2 : Kesan penggunaan media sosial dalam kalangan pelajar

Bil	Item	Skor Min	Sisihan Piawai	Tahap
1	Video yang tidak bermoral banyak didedahkan di media sosial.	4.05	1.07	Tinggi
2	Media sosial banyak mendedahkan gambar-gambar yang tidak beretika.	4.00	1.02	Tinggi
3	Kerja-kerja harian tertangguh kerana melayari media sosial.	3.86	1.02	Tinggi
4	Sukar untuk mengawal masa menggunakan media sosial.	3.74	1.03	Tinggi
5	Media sosial telah menjadi keutamaan dalam kehidupan.	3.74	1.13	Tinggi
6	Waktu tidur malam semakin berkurangan akibat terlalu leka menggunakan media sosial.	3.72	1.13	Tinggi
7	Masa banyak dibazirkan untuk melayari media sosial.	3.71	0.60	Tinggi
8	Fokus mengulangkaji pelajaran terganggu kerana melayari media sosial.	3.68	1.08	Tinggi
9	Kerja sekolah tidak dapat disiapkan kerana lalai dengan media sosial	3.65	1.14	Sederhana
10	Komunikasi bersemuka dengan rakan-rakan semakin berkurangan kerana banyak berkomunikasi melalui media sosial.	3.59	1.19	Sederhana
11	Kesihatan fizikal merosot kerana melayari media sosial.	3.57	1.11	Sederhana
12	Media sosial menyebabkan penggunaan masa tidak efektif.	3.55	0.96	Sederhana
13	Aktiviti gotong royong tidak diambil peduli kerana banyak melayari media sosial.	3.55	1.20	Sederhana
14	Penggunaan media sosial merosotkan hubungan antara keluarga.	3.54	1.18	Sederhana
15	Penggunaan media sosial merosotkan hubungan antara rakan.	3.50	1.12	Sederhana
16	Aktiviti ziarah menziarahi tidak diendahkan kerana menghabiskan masa dengan media sosial.	3.42	1.22	Sederhana
17	Peperiksaan tidak diendahkan kerana sibuk melayari media sosial.	3.41	1.15	Sederhana
18	Penggunaan media sosial menjadikan individu kurang berdisiplin.	3.37	1.06	Sederhana
19	Penggunaan media sosial memberikan kesan yang positif terhadap kesihatan mental.	3.23	1.14	Sederhana
20	Individu menjadi lebih agresif kerana banyak menghabiskan masa melayari media sosial.	3.16	1.12	Sederhana
21	Konsentrasi individu mungkin terganggu sekiranya tidak menggunakan media sosial dalam masa sehari.	3.13	1.09	Sederhana
Purata min dan sisihan piawai		3.58	0.69	Sederhana

3.3 Perbezaan Kesan Media Sosial Terhadap Tingkah Laku Sosial Berdasarkan Jantina

Hasil kajian mendapati pelajar perempuan memperolehi min yang lebih tinggi iaitu 3.62 berbanding lelaki iaitu 3.52. Kesimpulannya, perempuan lebih terkesan terhadap implikasi media sosial berbanding lelaki. Namun, ujian yang lebih terperinci dijalankan untuk melihat perbezaan kesan media sosial terhadap tingkah laku sosial berdasarkan jantina iaitu ujian-T. Ujian-T digunakan untuk melihat perbandingan samada wujud perbezaan yang signifikan antara dua kumpulan. Berdasarkan kajian, pelajar lelaki dan pelajar perempuan tidak mempunyai perbezaan statistik secara signifikan di mana nilai (p) sig. (2 tailed) adalah pada .177. Hal ini menunjukkan nilai signifikan tersebut adalah lebih besar daripada nilai $\alpha = 0.05$. Ringkasan bagi ujian-T adalah seperti dalam Jadual 3.

Jadual 3: Perbezaan Kesan Media Sosial Terhadap Tingkah Laku Sosial Berdasarkan Jantina

		Ujian-T						
		t-test for Equality of Means						
		Lavene's Test for Equality of Variances						
F	Sig.	t	df	Sig. (2-tailed)	Mean Difference	Std. Error Difference	95% Confidence Interval of the Difference	
					e	e	Lower	Upper
Equal variance assumed	1.022	.313	-1.363	343	.174	-.10186	.07472	-.24882 .04510
Equal variance not assumed			-1.354	310	.177 .15	-.10186	.07523	-.24989 .04617

4.0 Perbincangan dan kesimpulan

Dapatan kajian secara keseluruhannya menunjukkan kesan media sosial terhadap tingkah laku sosial pelajar berada pada tahap yang sederhana. Kebanyakan pelajar menyatakan terdapat banyak video yang tidak bermoral didedahkan di media sosial. Perkara ini perlu diambil berat kerana video yang tidak bermoral ini dapat merosakkan akhlak dan moral pelajar. Pelajar mudah terdedah kepada bahan pornografi kerana saringan yang sangat lemah terhadap video-video tersebut. Selain itu, pengawasan daripada ibu bapa yang sedikit juga menjadi faktor mereka mudah untuk melayari pornografi. Perkara ini selari dengan kajian-kajian lepas. Video-video seperti pornografi semakin menular sejak 2 dekad yang lalu, terutamanya melalui media sosial. Perkara ini telah mempengaruhi pembangunan budaya belia dan remaja ke arah yang negatif (Lofgren, 2010). Aplikasi media sosial telah menjadi platform untuk pengguna yang tidak bermoral dengan sewenang-wenangnya berkongsi kepada pengguna semua peringkat umur terhadap kandungan

seksual yang eksplisit dan fenomena ini semakin berleluasa terhadap remaja di seluruh dunia (Lofgren, 2007).

Selain itu, kajian juga menunjukkan kesan media sosial yang paling ketara adalah pembaziran masa. Hal ini terjadi kerana media sosial merupakan medium yang sangat mudah untuk menghabiskan masa. Pelajar boleh berada di mana sahaja asalkan mempunyai rangkaian internet untuk melayari media sosial. Ini selari dengan dapatan oleh Qingya (2011) yang menyatakan bahawa ramai pelajar menghabiskan masa dalam media sosial dan mengakibatkan ibu bapa bimbang bahawa anak-anak mereka menghabiskan terlalu banyak masa di media sosial dan tidak cukup masa untuk belajar. Hampir keseluruhan pelajar mempunyai telefon pintar. Ianya sangat mudah dibawa dan digunakan. Tetapi, apabila digunakan secara berlebihan, mereka akan terdedah kepada ketagihan terhadap media sosial. Walau bagaimanapun, dapatan kajian mendapati bahawa konsentrasi pelajar tidak terganggu sekiranya tidak menggunakan media sosial. Hal ini terjadi kerana pelajar menggunakan media sosial untuk tujuan hiburan dan menghilangkan stres. Selepas mereka dapat menghilangkan stres, mereka mampu untuk kembali mengulangkaji pelajaran dan fokus terhadap apa yang mereka usahakan.

Hasil dapatan juga menunjukkan pelajar perempuan lebih terkesan terhadap media sosial berbanding lelaki. Perkara ini terjadi berkemungkinan kerana pelajar perempuan lebih mudah terpengaruh dengan pelbagai aspek di media sosial seperti membeli belah atas talian, gosip-gosip selebriti dan fesyen-fesyen terbaru yang dipaparkan di media sosial. Kesimpulannya, dapatan kajian ini dapat menyedarkan pelajar bahawa pentingnya mengawal penggunaan media sosial dalam kalangan pelajar. Kajian ini juga dapat menyedarkan pelajar bahawa media sosial banyak memberi kesan negatif kepada mereka. Jadi, pelajar hendaklah lebih bijak dalam menggunakan media sosial untuk ke arah kebaikan.

Rujukan

- Aziz & Jamaludin, R. (2013). Strategi Menangani Penggunaan Facebook dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah: Satu Kajian Kes. *Jurnal Personalia Pelajar* 16: 93-103.
- Chua, Y. P. (2006). *Kaedah dan statistik penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill.
- Cress, K. (2010). Major Depressive and Generalized Anxiety Disorder. *Journal of Health Professional Radio*.
- Lenhart, A., Purcell, K., Smith, A., Zickuhr, K., & Pew Internet & American Life Project. (2010). *Social media & mobile internet use among teens and young adults*. Washington, DC: Pew Internet & American Life Project.
- Lofgren-Martenson, L., & Mansson, S. (2010). Lust, love, and life: A qualitative study of Swedish adolescents' perceptions and experiences with pornography. *Journal of Sex Research*, 47, 568–579.
- Mat, N. (2011). 60,000 pelajar kita ketagih fb. http://www.bharian.com.my/bharian/articles/60_000pelajarkitaketagihFB/Article/
- Mitchell, K., & Beard, F. (2010). Measuring Internet Dependence Among College Students: A Replication and Confirmatory Analysis. *Southwestern Mass Communication Journal*.

- Parks, J. B., & Roberton, M. A. (2012). *Attitudes Toward Women Mediate the Gender Effect on Attitudes toward Sexist Language*. Psychology of Women Quarterly 28 (2004): 233-39. United States of America. SAGE.
- Qingya, W. (2011). *The Effects of Social Media on College Students*. Johnson & Wales University.
- Samin, Z. (2012). Pengaruh Ketagihan Internet Terhadap Kecerdasan Emosi dalam Kalangan Pelajar Kolej Komuniti Bandar Penawar. Bandar Penawar. Johor.
- Severin, W. J., & Tankard, J. W. (2010). *Communication theories: Origins, methods, and uses in the mass media*. New York, NY. Longman.
- Shabir, G., Hameed, Y., Safdar, G. & Gilani, S. (2014). The Impact of Social Media on Youth. The Islamia University of Bahawalpur. Pakistan. *Asian Journal of Social Sciences & Humanities*.